

# UMS miliki hospital pengajar sendiri menjelang 2021

UB 2.3.2018 A3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan memiliki sebuah hospital pengajarnya sendiri bernilai RM652 juta menjelang tahun 2021, kata Naib Canselornya Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.

Kamarudin berkata pembinaan hospital pengajar di dalam kawasan kampus utama UMS di sini, di atas tapak seluas 110,851 meter persegi itu, dilaksanakan melalui mekanisme perkongsian awam-swasta (PPP) dan telah bermula pada Disember tahun lepas.

"Hospital perubatan UMS ini telahpun diluluskan oleh kerajaan. Kontraktor pun telah dilantik melalui mekanisme yang dipanggil perkongsian awam-swasta (PPP). Konsesi selama 27 tahun dan hospital tersebut akan dibina dalam masa tiga tahun.

Pembinaan telahpun bermula pada bulan Disember tahun 2017. Insya-Allah, penghujung 2020 atau pada awal 2021, hospital tersebut akan diserahkan kepada UMS untuk dioperasikan sebagai sebuah hospital pengajar," katanya kepada Bernama.

Menurut Kamarudin projek berkenaan merupakan projek besar daripada kerajaan dan akan memberikan banyak faedah kepada penduduk sekitarnya, terutama di Sepanggar dan kepada Sabah dan negara amnya.

Katanya hospital berkenaan kelak akan menawarkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang sangat bermutu dengan kos berpatutan atau kepada

penduduk sekitarnya.

"Hospital ini akan mempunyai 400 katil tetapi telah dirancang dari segi struktur binaannya dan juga 'susun aturnya' supaya dia boleh 'mengembang' kepada hospital yang mempunyai kapasiti 1,000 katil," katanya.

Sementara itu, Kamarudin berkata apabila hospital berkenaan beroperasi kelak, pihaknya akan berusaha dengan gigih melaksanakan program bersesuaian untuk melahirkan doktor-doktor pakarnya sendiri.

"Kita (UMS) mula tawarkan kursus perubatan melalui Fakulti Perbatan kita pada tahun 2003 dan sekarang ini ada beberapa orang alumni kita telah menjadi pakar perubatan dan pembedahan. Ada yang telah menyertai kita sebagai pakar di UMS. Insya-Allah kita akan menarik lebih ramai mereka yang berminat untuk sertai UMS," katanya.

Menurut Kamarudin pada masa ini, pihaknya turut menumpukan perhatian kepada program melatih pensyarah pelatih di universiti itu supaya mereka turut boleh menjadi doktor pakar perubatan.

Malah kata Kamarudin, untuk peringkat awal sekiranya perlu, UMS juga akan bekerjasama dengan hospital-hospital yang terdekat di sekitar Sabah termasuk hospital antarabangsa yang terdapat di negeri ini untuk membolehkan hospital berkenaan menawarkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan pakar. - Bernama